

PERIBAHASA

Praktis 1

Petikan di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan tiga peribahasa sahaja. Kemudian berikan peribahasa lain yang berlawanan maksud dengan peribahasa tersebut.

Peribahasa **seperti enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing** bermaksud tiada muafakat dalam perbincangan atau hanya berpegang pada pendapat masing-masing. Peribahasa ini jelas menunjukkan sikap masyarakat pada **zaman atom** ini. Sikap ini patut dikikis demi keamanan dan kesejahteraan rakyat sejagat. Anak-anak harus dididik sejak kecil agar tidak bersikap mementingkan diri kerana melentur buluh biarlah dari rebungunya. Di samping itu, ibu bapa harus menjadi suri teladan kepada anak-anak **bagaimana acuan begitulah kuihnya**.

Peribahasa	Peribahasa yang bertentangan maksud
seperti enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing	
zaman atom	
bagaimana acuan begitulah kuihnya	

Praktis 2

Petikan di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan tiga pepatah sahaja, kemudian kemukakan makna peribahasa tersebut.

Peribahasa Melayu ada mengatakan bahawa **jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya**. Oleh itu, individu harus berusaha bagai lebah menghimpun madu untuk berjaya. Sikap malas harus dikikis kerana **malas berkayuh perahu hanyut**, segan bertanya sesat jalan. Selain rajin berusaha, kita harus bersikap rendah diri dan jangan sesekali angkat bakul dengan kelebihan diri sendiri. Kita juga harus **ukur baju di badan sendiri** sebelum melakukan sesuatu dan janganlah kita bersikap bak alu pencungkil duri.

Sesuatu yang hendak dibuat
mestilah mengikut kemampuan
diri sendiri

Cita-cita tanpa usaha
tidak akan tercapai

Kalau malas berusaha
tidak akan mendapat
kemajuan

Pepatah	Makna
jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya	
malas berkayuh perahu hanyut	
ukur baju di badan sendiri	